

Dr. Mahathir mempunyai semangat 'kuat bekerja' – Kim Sai

UM 31/10/2003 - 6 PRECISE

BUKAN mudah melihat seorang pemimpin tertinggi dalam kerajaan menaruh kepercayaan kepada orang lain dalam melaksanakan tugas mencabar terutamanya melibatkan imej Malaysia yang terjejas di luar negara.

Perkara itu dinyatakan oleh bekas Menteri Kesihatan, Tan Sri Lee Kim Sai yang diberi kepercayaan menyakinkan semula para pelabur Taiwan melabur di Malaysia selepas kenyataan berbau perkaurman dilemparkan oleh pihak tertentu mengenai kerajaan terhadap kaum Cina.

Beliau menceritakan, pada tahun 1987, ketika memegang jawatan sebagai Menteri Buruh (ketika ini dipanggil Menteri Sumber Manusia) pelbagai isu telah dibangkitkan oleh pihak tertentu terhadap masyarakat Cina di Malaysia menyebabkan pelabur Taiwan ingin menarik balik pelaburan mereka di negara ini.

Katanya lagi, perkara itu cukup membimbangkan Dr. Mahathir kerana ia akan menjejaskan keyakinan pelabur asing dari negara lain yang ingin melabur di sini.

"Pada mulanya pelawaan Dr. Mahathir seperti mengajak saya 'makan angin' di negara itu tetapi apabila menjelaskan kedudukan sebenar saya diberi kepercayaan menerangkan dasar-dasar kerajaan kepada mereka," katanya.

Kim Sai memberitahu, pemergian mereka ke sana tidak diketahui oleh mana-mana pihak termasuk media massa bagi memastikan misi yang dilakukan itu berjaya.

Ketika berada di sana, Dr. Mahathir memberi sepenuh kepercayaan kepadanya menerangkan po-

lisi dan dasar kerajaan kepada pelabur tersebut.

"Dr. Mahathir sendiri mahu saya menjelaskan perkara bahawa kerajaan tidak mengamalkan sebarang diskriminasi kaum dan memberikan sama rata dalam pelbagai bidang," jelasnya sambil menyatakan Perdana Menteri memaklumkan perkara itu sehari sebelum berlepas ke Taiwan.

Dalam hal itu, katanya, Dr. Mahathir begitu komited dengan masalah yang dihadapi tanpa menanggukannya dalam tempoh yang lama.

Mendengar

Mengenai pengalaman beliau ketika di bawah pentadbiran Dr. Mahathir selama 12 tahun, Kim Sai berkata, Perdana Menteri mempunyai semangat 'kuat bekerja' dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang pemimpin.

Beliau menceritakan, pada mesyuarat kabinet Perdana Menteri tidak akan berganjak dari tempat duduknya untuk mendengar apakah masalah yang dihadapi oleh setiap kementerian dengan mencatatkan dalam buku nota khas.

Katanya, ketika mempengerusikan mesyuarat Kabinet, Dr. Mahathir bertanya

kepada Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu mengenai masalah lampu rosak di Jalan Chow Kit.

Samy Vellu ketika itu memberi jaminan bahawa masalah tersebut diselesaikan secepat mungkin oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pada mesyuarat kabinet seterusnya Dr. Mahathir bertanya lagi mengenai perkara berkenaan.

"Samy Vellu menyatakan perbelanjaan untuk memperbaiki lampu tersebut tidak mencukupi dan Perdana Menteri memperuntukkan kepada JKR untuk melaksanakannya dengan segera," ujarnya.

Dr. Mahathir juga merupakan pemimpin yang mempunyai pemikiran jauh dalam melaksanakan program-program pembangunan untuk rakyatnya di masa depan.

"Beliau merupakan seorang pemimpin yang mempunyai wawasannya sendiri dalam memastikan rakyatnya menjalani kehidupan aman dan selesa," katanya.

Dalam Politik pula, Dr. Mahathir dilihat sebagai bapa yang memberi tunjuk ajar kepada anak-anaknya.

Kim Sai yang juga bekas Timbalan Presiden MCA menjelaskan, Presiden Barisan Nasional itu akan mengambil serius tentang masalah yang dihadapi oleh setiap parti komponen.

Malah katanya, setiap pandangan dan idea yang diberikan berjaya membawa keharmonian dalam parti komponen terbabit.

Oleh itu, persaraan Dr. Mahathir akan menjadi ingatan kepada semua lapisan masyarakat kerana beliau telah berjaya menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara

yang disegani di seluruh dunia.

LEE KIM SAI
pernah diberi
tugas khas
ke Taiwan.

